

07/06/1997

Kereta elektrik bukan saingan

Karim Sulaiman in Surrey

SURREY, Jumaat - Penghasilan kenderaan elektrik pertama Malaysia yang diusahakan oleh Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM) bukan untuk bersaing dengan kereta dan motosikal nasional di pasaran sekarang.

Sebaliknya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, pengeluaran kenderaan itu akan menyokong industri automotif tempatan dan memberi peluang pilihan lebih luas kepada pengguna.

"Saya tidak nampak ada persaingan. Kenderaan ini dalam kategori lain (daripada Proton atau Perodua)," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat Pusat Penyelidikan Frazer-Nash di Mychett, kira-kira 50 kilometer dari London, semalam.

Dr Mahathir turut memandu uji kenderaan itu iaitu kereta, motosikal, go-kart dan golf buggy yang menggunakan teknologi bateri.

Projek itu akan dijalankan oleh Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM), usaha sama empat pelabur iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Frazer-Nash, Composite Automotive Research (CAR) dan Tan Sri Basir Ismail.

Sementara itu, Ketua Eksekutif TNB, Datuk Dr Tajuddin Ali, yakin projek itu akan membuahkan hasil memuaskan bukan saja dari segi keuntungan wang ringgit, malah pemindahan teknologi baru kepada rakyat Malaysia.

Menurutnya, projek penghasilan kenderaan elektrik Malaysia itu mempunyai kesan jangka panjang, terutama bagi mengatasi masalah pencemaran udara dan bising di bandar.

"Kita yakin projek ini menguntungkan. Jika tidak TNB tidak melabur (dalam projek ini).

"Bagaimanapun, ini tidak bermakna projek ini adalah perniagaan utama TNB. Perniagaan utama kita tetap menghasilkan dan membekalkan tenaga elektrik," katanya.

Projek itu diilhamkan tahun lalu selepas Frazer-Nash memperkenalkan konsep kenderaan elektrik kepada TNB.

Frazer-Nash, syarikat yang menjalankan kerja Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) elektronik dan elektrik mempunyai kepakaran tinggi khusus dalam mereka bentuk cip silikon dan elektronik, sistem mekanikal, bahan komposit serta struktur dan dinamik kenderaan.

Barangan lain yang dibangunkan syarikat ini ialah al-Quran dan tasbeih elektronik serta kalkulator Hijrah.

Sementara itu, Pengerusi CAR, Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh, yang dipelawa menyertai usaha sama itu berikutan pengalamannya dalam industri automotif berkata, kenderaan itu mempunyai pasaran baik pada masa depan.

Menurutnya, beliau tidak melihat masalah besar yang bakal dihadapi POEM dalam memasarkan kenderaan itu.

"Cabaran kita pada peringkat awal ialah bagaimana hendak mempopularkan kenderaan ini, yang agak baru kepada pengguna kita.

"Jika ini dapat dilakukan, kita tidak menghadapi masalah untuk memasarkan kenderaan ini. Kita mesti bersikap positif dan berani untuk menghadapi cabaran ini," katanya.

(END)